



SIARAN MEDIA

KES DENGGI DI LOKALITI MPS TERKAWAL

Selayang mencatatkan kes Denggi sebanyak 561 kes daripada bulan November hingga Januari 2019. Kes Denggi di 76 lokaliti MPS masih lagi terkawal sehingga minggu keempat bulan ini.

Sebanyak 15 lokaliti hotspot wabak Denggi dalam tempoh lebih 60 hari disenaraikan masing-masing di daerah Sg. Tua (Kg. Sg. Tua Bharu, Apartment Laksamana), Gombak Setia (Flat Pinggiran Bt, Kg Changkat 23, Taman Sahabat, Kg. Simpang 3, Jalan Dewan, Taman Sri Gombak Pasar), Paya Jaras (Kg Sri Indah A, Kg Melayu Sg Buloh, Kg Matang Pagar, Apartment Impian Indah) dan Kuang (Rawang).

Sebanyak 3 lokaliti wabak tidak terkawal direkodkan iaitu di daerah Templer (Kuaters IPD Gombak Zon A dan Selayang Baru Zon 16) dan Sg Tua (Apartment Seri Gohtong). Faktor penularan wabak Denggi ini ekoran cuaca tidak menentu serta peningkatan pergerakan orang awam.

Bagi langkah pencegahan, MPS menyeru orang ramai terutamanya bagi mereka yang berada di lokasi hotspot wabak Denggi untuk mengambil pendekatan misalnya semburan aerosol bagi membunuh nyamuk aedes di kawasan rumah, meletakkan ubat jentik-jentik (abate) ke dalam bekas takungan air di sekitar rumah dan memakai krim perlindungan nyamuk.

Selain itu, MPS akan menggerakkan aktiviti gotong-royong membabitkan kerjasama bersepadu dengan Ahli - Ahli Majlis, agensi-agensi yang berkaitan dan juga orang awam bagi membendung peningkatan kes denggi.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

b/p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 1 Februari 2019